

Ruj. Kami : PMS/UPH/173/1-1/ (2)

Tarikh : 16 Januari 1997

Semua Ketua Jabatan Persekutuan, Sabah

Y.Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN MALAYSIA (SABAH)
BILANGAN 2 TAHUN 1997**

**SEWA EKONOMI YANG DIKENAKAN KE ATAS PEGAWAI DAN
KAKITANGAN PERSEKUTUAN YANG MENDUDUKI KUARTERS
KERAJAAN NEGERI**

Adalah saya dengan hormatnya menarik perhatian Y.Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan kepada perkara tersebut di atas.

2. Untuk makluman Y.Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan, berdasarkan pemerhatian pejabat ini adalah didapati pembayaran sewa ekonomi oleh jabatan-jabatan tidak begitu kemaskini. Masalah utama antaranya seperti berikut:-

2.1. Pegawai dan kakitangan daripada jabatan yang terlibat lambat mengemukakan Surat Akuan Masuk Rumah kepada Pejabat Bendahari Negeri. Tindakan ini menyebabkan kelewatan pemotongan sewa ekonomi oleh Pejabat Bendahari Negeri dan jabatan yang terlibat.

2.2 Pegawai dan kakitangan daripada jabatan yang terlibat lambat mengemukakan Surat Akuan Keluar Rumah kepada Pejabat Bendahari Negeri sehingga menyebabkan pemotongan sewa ekonomi lewat diberhentikan atau berterusan.

2.3 Kelewatan pembayaran sewa ekonomi oleh jabatan yang terlibat menyebabkan Pejabat Bendahari Negeri merujuk ke Perbendaharaan Malaysia Sabah untuk pembayaran.

2.4 Jabatan-jabatan tidak menyimpan rekod yang kemaskini dan tepat mengenai pegawai-pegawai dan kakitangan yang menduduki kuarters Kerajaan Negeri.

2.5 Peruntukan tidak disediakan dengan secukupnya untuk menjelaskan tuntutan yang dikemukakan oleh pihak Kerajaan Negeri.

2.6 Jabatan tidak dapat memastikan sama ada tuntutan yang dikemukakan itu tepat dan betul ataupun tuntutan berdasarkan rekod-rekod yang kurang tepat.

3. Oleh itu, sebagai langkah untuk rmemperkemaskan pembayaran sewa ekonomi, jabatan Y.Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan dikehendaki mengambil tindakan-tindakan berikut: -

3.1 Jabatan dikehendaki menyemak dengan Pejabat Bendahari Negeri mengenai sewa ekonomi yang tertunggak dan rekod-rekod mengenal pegawai dan kakitangan Kerajaan Persekutuan yang menduduki kuarters Kerajaan Negeri.

3.2 Pembayaran sewa ekonomi hendaklah dibuat setiap bulan.

3.3 Surat Akuan Masuk/Keluar Rumah bagi pegawai dan kakitangan yang menduduki kuarters Negeri hendaklah dikemukakan dengan segera ke pejabat Bendahari Negeri.

3.4 Jabatan-jabatan yang terlibat dikehendaki memastikan bahawa pegawai dan kakitangan yang menduduki kuarters Kerajaan Negeri adalah bersesuaian dengan kelayakan pegawai atau kakitangan selaras dengan Perintah Am Bab 'E' (Rumah Dan Bangunan Pejabat Kerajaan).

3.5 Jabatan-jabatan dikehendaki menyediakan peruntukan tahunan secukupnya untuk menjelaskan tuntutan yang dikemukakan oleh pihak Kerajaan Negeri.

3.6 Jabatan-jabatan hendaklah memastikan tuntutan-tuntutan yang dikemukakan oleh Kerajaan Negeri itu adalah betul dan tepat sebelum diuruskan bayaran.

4. Adalah ditegaskan bahawa Perbendaharaan Malaysia Sabah tidak akan membayar atau menanggung segala tuntutan daripada Kerajaan Negeri berkaitan dengan bayaran sewa ekonomi itu bagi pihak jabatan-jabatan Persekutuan. Segala urusan pembayaran sewa ekonomi yang dikenakan ke atas pegawai dan kakitangan Persekutuan yang menduduki kuarters Kerajaan Negeri hendaklah dikendalikan sendiri oleh jabatan-jabatan Persekutuan yang berkaitan. Tuntutan-tuntutan bagi bayaran sewa ekonominya akan dikemukakan terus kepada jabatan-jabatan Persekutuan yang berkenaan oleh pihak Kerajaan Negeri.

5. Sokongan dan kerjasama serta perhatian Y.Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan didalam hal ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

Saya yang menurut perintah,

T.T

(ABDUL AZIZ BIN MOHD. ALI)

Pegawai Kewangan Persekutuan, Sabah.

s.k:

Pengarah

Jabatan Perkhidmatan Awam Sabah

(Bahagian Saraan Dan Pencen)

Tingkat II, Bangunan Yayasan Sabah

88502 KOTA KINABALU

(u/p: Puan Susan Jill)

Bendahari
Jabatan Bendahari Negeri Sabah
Wisma Kewangan
Beg Berkunci No. 2058
88595 KOTA KINABALU
(u/p: Encik Chee Tze Seng)